



## **PERKHIDMATAN POS PELAJAR UniSZA**

- Dalam usaha menjaga kebajikan dan memantapkan pengurusan perkhidmatan pos pelajar serta memperkasakan usaha-usaha keusahawanan pelajar, pihak Pengurusan Kolej Kediaman UniSZA telah mengatur beberapa siri perbincangan antara Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UniSZA, Pusat Keusahawan dan Kebolehpasaran Pelajar UniSZA, Majlis Perwakilan Pelajar UniSZA, Majlis Kolej Kediaman UniSZA, KOSISWA UniSZA dan Pejabat Pos Malaysia.
- Satu keputusan bersama telah diambil dan telah dipersetujui oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UniSZA iaitu pengurusan perkhidmatan pos pelajar akan diletakkan di bawah pengurusan KOSISWA UniSZA yang dikawal selia oleh Pusat Keusahawan dan Kebolehpasaran Pelajar UniSZA bermula 30 Julai 2017.
- Perkhidmatan pos pelajar di Kampus Besut dan Kampus Perubatan kekal sebagaimana sekarang sehingga satu keputusan rasmi dimaklumkan kemudian.
- Sehubungan itu, dimaklumkan bahawa pusat pengambilan barangan pos pelajar akan berpindah ke Taman Usahawan Muda Pelajar UniSZA (TUMPU) bermula 30 Julai 2017.
- Perkhidmatan pos di Kolej Kediaman UniSZA, Kampus Gong Badak akan berakhir pada 29 Julai 2017. Semua barangan sedia ada yang tidak dituntut pada 29 Julai 2017 akan dikembalikan kepada Pejabat Pos Malaysia untuk tindakan seterusnya.
- KOSISWA UniSZA akan mengenakan caj ke atas setiap perkhidmatan pos pelajar bermula pada 6 Ogos 2017 seperti berikut:-

<b>BERAT</b>	<b>SAIZ</b>	<b>CAJ (RM)</b>
< 10kg	< 380mm X 320mm X 200mm	RM 0.50 per unit
10kg >	380mm X 320mm X 200mm >	RM 2.00 per unit

- Makluman waktu operasi perkhidmatan pos adalah seperti berikut:-

Tarikh mula beroperasi : **30 JULAI 2017**

Waktu Operasi : 10.00 pagi – 5.00 petang (Ahad – Khamis)

Tempat : Lot 7 Taman Usahawan Muda Pelajar UniSZA

- Antara perkhidmatan lain yang disediakan KOSISWA UniSZA adalah :-
  1. Pengeposan barangan melalui Pos Laju & Nationwide.
  2. Pengeposan motor.
  3. Penjualan plastik dan kotak bungkusan Pos Laju & Nationwide.
- Segala maklumat berkaitan perkhidmatan pos pelajar bermula 30 Julai 2017 adalah di bawah tanggungjawab KOSISWA UniSZA.

Sekian, terima kasih.

Pengarah  
Kolej Kediaman UniSZA